

BAB IV

BAB IV

PERANAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN SERTA PERBANDINGAN DARI SUDUT SEJARAH DAN PELAKSANAANNYA DENGAN *INSTITUSI HISBAH*

4.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan secara terperinci peranan **DP** dan bidangkuasanya di bawah peruntukan undang-undang bagi mengawal dan mengawasi **Bandaraya KL** serta aktiviti-aktiviti yang dijalankannya. Perbincangan ini akan berpandukan kepada analisa terhadap fungsi-fungsi setiap unit di bawah **DP** serta bidangkuasa di bawah peruntukan undang-undang iaitu mengikut Akta-Akta dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakannya. Bab ini juga akan menganalisis persamaan dan perbezaan di antara **IH** dengan **DP** dari segi sejarah, skop fungsi, bidang kuasa, penguatkuasaan undang-undang serta anggota pelaksananya.

4.1 FUNGSI, BIDANG KUASA DAN AKTIVITI DP DBKL

DP ialah salah satu jabatan di **DBKL** yang bertanggungjawab melaksanakan tugas penguatkuasaan. Bermatlamatkan untuk menjadikan **Kuala Lumpur** sebuah bandaraya yang bersih, indah dan selesa serta memberi kesedaran kepada masyarakat **KL** supaya lebih bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran sivik terhadap kualiti hidup dan alam persekitaran serta

membasmi setinggan.¹ Tugas penguatkuasaan dapat dibahagikan seperti berikut:

4.1.1 Kawalan Kebersihan

Kawalan kebersihan ini dilaksanakan oleh bahagian kebersihan. Antara fungsi utama bahagian ini ialah:

1. **Kawalan Pelesenan.** Pengawasan dan tindakan ke atas penjaja dan penggerai berlesen dan tanpa lesen di tapak perniagaan yang melanggar Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Dan Gerai (WPKL) 1989. Di mana anggota penguatkuasa bertanggungjawab memastikan bahawa peniaga atau penjaja mempunyai lesen bagi menjalankan perniagaan mereka. DP juga perlu memastikan bahawa struktur dan bentuk gerai yang didirikan mengikut peraturan-peraturan yang telah dinyatakan di dalam lesen dan didirikan di tempat yang telah dikhaskan untuk mengelakkan dari menganggu lalu-lalang dan tempat awam.² Di samping itu bahagian kebersihan juga berperanan untuk menghalang peniaga-peniaga dari meletakkan kerusi meja di atas bahu jalan, siarkaki dan kaki lima jalan yang menyebabkan halangan kepada lalulintas.³

2. **Kebersihan Tempat-Tempat Awam Dan Alam Sekitar.** DP telah diberi kuasa untuk mengeluarkan notis pemberitahuan kesalahan (notis kompoun) ke atas orang awam, premis 'perniagaan, pusat-pusat penjajaan dan syarikat-syarikat yang melakukan kesalahan pembuangan sampah haram di tempat-tempat

¹ Buku Penerangan DBKL, hal. 45

² UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai 1989 3(1)(2)

awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133). **DP** berkuasa mengeluarkan notis kompoun bagi kesalahan mengotorkan jalan terhadap kenderaan yang mengangkut tanah muatan yang berlebihan, bahan-bahan yang dibawa tidak bertutup, tayar-tayar tidak dibersihkan terlebih dahulu sebelum melalui jalan-jalan awam.⁴ **DP** juga berhak melarang orang awam membuang sampah, menjemur barang persendirian, membuang darah atau benda-benda kotor atau menjatuhkan debu atau pasir di jalan awam.⁵

DP bertanggungjawab menguatkuasa undang-undang terhadap penggerai yang tidak menjaga kebersihan premis perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja Dan Gerai (WPKL) 1989.⁶ **DP** juga diberi kuasa menguatkuasakan undang-undang dalam usaha memelihara kebersihan tandas awam dan menjaganya dari aktiviti vandalisme di sekitar bandar raya **KL**. Bidangkuasanya tertakluk di bawah Undang-Undang Kecil Tandas Awam (WP)KL 1986.⁷

DP turut mengawasi aktiviti pembakaran haram dan pembakaran secara terbuka yang mencemarkan alam sekitar di **KL**. Di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (WP) KL 1981.⁸ **DP** diberi kuasa menguatkuasakan undang-undang terhadap sesiapa yang membakar sampah sarap tanpa mendapat kebenaran **DBKL**. Manakala di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1998 (Akta A 1030) (Perwakilan Kuasa)(Penyiasatan Pembersihan Terbuka 2000), **DP** hanya berperanan sebagai penyiasat atau mengambil laporan

:

³ UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai 1989 20(1)(2)

⁴ Seksyen 20 dan 21 Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (WP) 1982

⁵ Seksyen 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

⁶ UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai 1989 (31)

⁷ Undang-Undang Kecil Tandas Awam (WP)KL 1986

⁸ UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (WP) KL 1981(9)

sahaja dan seterusnya melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan lanjut.⁹ Ini kerana di bawah akta ini **DP** tidak mempunyai kuasa untuk mengkompoun sesiapa yang melakukan kesalahan tetapi hanya sebagai penyiasat.

3. Kebersihan Tapak Binaan

Untuk memastikan kebersihan tapak binaan, **DP** akan mengeluarkan notis terhadap pihak yang bertanggungjawab jika tidak mematuhi langkah-langkah berikut; mempunyai permit meletak bahan-bahan binaan, mengadakan penghadang keselamatan, memasang lampu di waktu malam dan memastikan kawasan pembinaan berkenaan bersih.¹⁰

4.1.1.1 Aktiviti-Aktiviti Penguatkuasaan

DP telah menjalankan beberapa tindakan penguatkuasaan untuk memelihara kebersihan **KL**. Antara operasi yang dijalankan ialah “Operasi Anti Kekotoran” yang dijalankan untuk mengambil tindakan ke atas orang ramai/individu yang melakukan kesalahan membuang sampah merata-rata.¹¹ Sepanjang tahun 1998 bermula dari 7 Januari sehingga 3 Disember **DP** telah menjalankan 52 siri operasi dan telah mengenakan tindakan kompoun sebanyak 2045 terhadap individu yang melakukan kesalahan.

“Operasi Penjaja Tidak Berlesen” pula dilaksanakan khusus untuk mengambil tindakan ke atas penjaja-penjaja warganegara serta warganegara asing

⁹ Temubual dengan Puan Umi Kalsum, Pegawai Kompoun DP 21 Mac. 2002.

¹⁰ Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

yang tidak berlesen. DP telah menjalankan 30 operasi sepanjang tahun 1998 ke atas 277 penjaja tidak berlesen. DP juga mengambil tindakan penguatkuasaan khusus ke atas premis-premis restoran/kedai dan gerai yang meletakkan kerusi meja di atas jalan, bahu jalan, siarkaki dan kakilima jalan yang menyebabkan halangan pada jalan dalam operasi yang dikenali sebagai Ops Tukas.¹² Di mana DP telah mengenakan 232 tindakan ke atas peniaga yang melanggar peraturan ini dan merampas 1404 kerusi, 232 meja dan 136 gerai.¹³

Bahagian kebersihan turut menjalankan operasi ke atas tukang-tukang kasut warganegara asing yang menjalankan aktiviti perniagaan secara haram dalam 17 siri operasi. Sejumlah 281 tindakan sita di bawah Sek. 46 (3(a) diambil ke atas peralatan tukang kasut tersebut dan DP juga telah berkerjasama dengan Jabatan Imigresen dan Polis DiRaja Malaysia bagi menangkap warganegara asing yang tidak mempunyai dokumen yang sah.¹⁴ DP turut mengambil tindakan ke atas pemilik-pemilik premis perniagaan motorsikal serta alat ganti dan membaiki motorsikal yang tidak menjaga kebersihan premisnya dan meletakkan motorsikalnya di siarkaki(halangan). Sebanyak sembilan operasi dilaksanakan pada tahun 1998 dan DP telah mengambil 248 tindakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan ini.¹⁵.

Di samping tindakan operasi, DP turut melaksanakan tugas-tugas kawalan dan tindakan harian yang dilakukan oleh pasukan petugas preman(anggota

¹¹ Buku Laporan Tahunan 1998, hal. 30

¹² *Ibid*, hal. 32. Maklumat lanjut sila rujuk Lampiran XI(i)

¹³ *Ibid*, hal. 31, Sila rujuk Lampiran XI(ii)

¹⁴ *Ibid*, hal. 32, Sila rujuk Lampiran XI(iii)

¹⁵ *Ibid*, hal. 32, Sila rujuk Lampiran XI(iv)

berpakaian biasa) yang meronda di perhentian bas, panggung wayang, pusat membeli-belah dan tempat-tempat tumpuan awam dan Task Force (beruniform). Sepanjang tahun 1998, Task Force Khas telah mengambil tindakan sebanyak 1303 tindakan terhadap pelbagai kesalahan termasuk sita, sita lopus, notis amaran dan kesalahan trafik Manakala preman telah mengambil tindakan sebanyak 6236 notis kompoun di bawah Sek. 47 ke atas orang ramai/individu dan peniaga-peniaga yang membuang sampah di merata-rata tempat.¹⁶

Bagi memelihara kebersihan tempat-tempat awam dan alam sekitar DP telah mengambil tindakan ke atas kesalahan pembuangan sampah haram, pembakaran terbuka dan tapak binaan. Sebanyak 7793 tindakan telah diambil pada tahun 1998 ke atas kesalahan-kesalahan ini.¹⁷

Walaupun bukan di bawah bidang kuasa Bahagian kebersihan “Operasi Tembak Gagak” yang dilakukan oleh Unit Senjataapi juga boleh dianggap sebagai operasi kebersihan. Operasi ini bertujuan membasmi pembiakan burung-burung gagak yang berkeliaran dengan banyaknya di sekitar **KL** demi menjaga kebersihan **KL**. Ini kerana sifat burung ini yang suka mendapatkan makanan dari tempat pembuangan sampah dan membawanya ke merata-rata tempat yang mengotorkan kawasan. Selain itu najis burung gagak akan menjadikan pemandangan di tempat-tempat awam.¹⁸

¹⁶ *Ibid*, hal. 34

¹⁷ *Ibid*, hal. 34, Sila rujuk Lampiran XI(v)

¹⁸ Maklumat daripada DP 21 Mei 2002

4.1.2 Kawalan Trafik

DP telah diberi kuasa mengawasi mengawal keadaan jalan raya di KL melalui beberapa peruntukan undang-undang bagi menjamin kelancaran lalu lintas untuk keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. DP menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan kesalahan trafik statik. Manakala kesalahan trafik lain adalah di bawah bidangkuasa Polis Trafik. Antara kesalahan trafik statik ialah memberhentikan kenderaan di tempat yang dilarang kerana menganggu lalulintas atau membahayakan pengguna jalan raya di bawah Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (APJ & B 1974), ingkar tanda arahan atau papan tanda terutamanya berkaitan dengan larangan meletak kereta di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta) 1969/1984.¹⁹

ii. Keselamatan Pengguna Jalan raya

Tidak dapat dinafikan DP berperanan memastikan pengguna jalan raya mematuhi undang-undang jalan raya bukan sahaja untuk mengelakkan kesesakan dan menganggu kelancaran lalu-lintas tetapi juga untuk memelihara keselamatan pengguna jalan raya. Bagi memastikan keselamatan pejalan kaki contohnya, DP telah menjalankan “Operasi Jejantas” untuk mengambil tindakan terhadap pengguna lalulintas yang tidak menggunakan jejantas serta tidak mematuhi isyarat pejalan kaki.²⁰

¹⁹ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

²⁰ Op. Cit., hal. 51

v. Mengawal Tempat Letak Kereta

Selain menguatkuasakan undang-undang trafik bahagian Kawalan Trafik juga mengendalikan tempat letak kereta sama ada tempat letak kereta manual dan bermeter serta mengendalikan tempat letak kereta terkawal. Kesalahan yang selalu dilakukan oleh kenderaan ialah meletak kenderaan tanpa bayar meter atau meletak kenderaan di luar petak. Bidangkuasanya tertakluk Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta) 1969/1984 dan Undang-Undang Kecil Taman 1981.²¹

4.1.2.1 Aktiviti-Aktiviti Tindakan Penguatkuasaan

Antara tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh DP untuk menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan pengguna jalan raya mematuhi undang-undang yang digariskan ialah:

i) Operasi Tunda

Operasi ini dikendalikan oleh unit Tunda yang bertanggungjawab menunda kenderaan yang melanggar peraturan jalan raya. Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh bahagian ini ialah; menunda kenderaan yang diletakkan melebihi 48 jam di petak yang sama tanpa membayar caj meter. Mereka juga turut menunda kenderaan yang menghalang petak letak kereta bermeter, pili bomba, perhentian bas/teksi dan letak di simpang jalan serta kenderaan yang melanggar peraturan lalulintas di bawah peruntukkan Akta Pengangkutan Jalan 1987.²²

²¹ UUK Taman 1981 3(1)/7, Bahagian Letak Kereta 8(1) & 3(2)/6

²² Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

Sepanjang tahun 1998, sebanyak 1530 tindakan tunda telah diambil ke atas kenderaan yang melanggar Akta ini.²³

ii. Operasi Mengangkut Motorsikal

Operasi mengangkut motorsikal dijalankan ke atas motorsikal yang melanggar peraturan jalanraya seperti meletakkan motorsikal pada bahu jalan dan memberhentikan kenderaan di siarkaki²⁴ atau melanggar garisan kuning, meletak kereta di jalan yang ada dua garisan selari atau tiga inch dari pili bomba atau tidak rapat dengan jalan.²⁵ DP juga mengadakan operasi mingguan pada tiap-tiap bulan bagi menyedarkan dan mendisiplinkan wargakota.²⁶ Pada tahun 1998, DP telah mengangkut 4141 buah motorsikal yang melanggar peraturan melalui operasi yang dijalankan sepanjang tahun.²⁷

iii. Operasi Jejantas

“Operasi jejantas” dijalankan dalam usaha mengambil tindakan terhadap pengguna lalulintas yang tidak menggunakan jejantas serta tidak mematuhi isyarat pejalan kaki.²⁸ Sebanyak 3520 orang telah dikenakan tindakan kompoun sepanjang tahun 1998.²⁹

²³ Sila rujuk Lampiran XI(vi)

²⁴ Seksyen 39 dan Sek. 46(1)(g) :

²⁵ Kaedah Lalulintas Jalan (WP KL)1959

²⁶ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

²⁷ Sila rujuk Lampiran XI(vii)

²⁸ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

²⁹ Sila rujuk Lampiran XI(viii)

iv. Operasi Laluan Bas

“Operasi laluan bas” dijalankan untuk mengambil tindakan undang-undang kepada pemandu bas yang memandu bas di luar laluan bas atau teksi di bawah kaedah 17C (2). Tindakan penguatkuasaan tertumpu di Jalan Raja Laut, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Jalan P Ramlee, Jalan raja Chulan, Jalan Syed Putra, Jalan Raja dan Jalan Dang Wangi.³⁰ Sejumlah 2931 notis telah dikeluarkan terhadap pemandu bas yang telah melanggar peraturan sepanjang tahun 1998.³¹

4.1.3. Kawalan Kawasan Perumahan

DP bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang terhadap kawasan perumahan awam yang berada di zon-zon Perumahan Awam DBKL dengan bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah Undang-Undang Kecil Perumahan Awam (WP) 2000.³² Bidangkuasa penguatkuasaanya merangkumi unit rumah, persekitaran rumah, lif, salur sampah, longkang, salur najis, wayar, kabel dan segala kemudahan yang dinikmati oleh penyewa.³³ Unit yang bertanggungjawab melaksanakan tugas penguatkuasaan ini ialah Unit Kawalan Perumahan. Unit ini turut bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu.

:

³⁰ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

³¹ Sila rujuk Lampiran XI(ix)

³² Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

³³ Bahagian 2, UUK Perumahan Awam 2000

Secara ringkasnya bidang kuasa unit ini ialah:

i. **Mengawasi Keselamatan Kawasan Kejiranan**

DP bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang terhadap penyewa yang melakukan perbuatan yang boleh menganggu di kawasan perumahan atau melakukan perkara yang boleh membahayakan harta atau penghuni kawasan perumahan tersebut. Beliau juga boleh mengambil tindakan terhadap penghuni di premis kediaman yang melakukan perbuatan yang menganggu keselesaan dan membahayakan jiran tetangganya. Contohnya menggantungkan pasu bunga atau meletakkan perabot atau barang-barang lain di balkoni unit tersebut yang boleh mendatangkan bahaya dan menganggu penghuni lain.³⁴

ii. **Masalah Sosial**

Di samping itu **DP** juga bertanggungjawab mengawasi aktiviti-aktiviti kurang sihat di kalangan penyewa dan menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan kepada mereka jika terdapat bukti bahawa masalah tersebut berlaku di kawasan kawalan mereka. Antaranya kesalahan melindungi atau menggunakan kediaman sebagai tempat perlindungan pendatang tanpa izin, pelacuran, perjudian, kegiatan penagihan dадah, penjenayah atau melakukan perbuatan sumbang.³⁵

³⁴ Perkara 3(4),(5),(14) & (15) UUK Perumahan Awam 2000

³⁵ Perkara 3(8) & (9) UUK Perumahan Awam 2000

iii. Mengawasi Kebersihan Kawasan Perumahan

DP juga berperanan mengawal kebersihan kawasan perumahan untuk menjamin keselesaan dan kesihatan penghuni kawasan perumahan. Antaranya mengawasi aktiviti pembuangan sampah, mengawal pembuangan sampah isi rumah serta mengambil tindakan terhadap penghuni yang menyebabkan mana-mana besen, tandas atau longkang tersumbat.³⁶ Sesiapa yang melakukan kesalahan akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah peruntukan UUK Perumahan Awam 2000 serta Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Wilayah Persekutuan) 1981.

iv. Melanggar Peraturan Umum

Terdapat beberapa peraturan umum yang telah ditetapkan oleh DP yang perlu dipatuhi oleh penyewa. Jika peraturan ini diingkari mereka akan dikenakan tindakan undang-undang. Pertamanya memasang pendawaian elektrik dan penyiaran tambahan dalam unit atau mana-mana bahagian bangunan perumahan awam tersebut tanpa kebenaran DBKL³⁷. Keduanya menyalahgunakan kemudahan awam seperti mengambil atau mengguna air dari paip yang dipasang untuk kegunaan peribadi. Penghuni juga tidak boleh menggunakan rumahnya atau mana-mana bahagian perumahan bagi tujuan apa-apa permainan awam, ucapan awam, tunjuk perasaan atau perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan bagi apa-apa kempen, promosi perdagangan, kegiatan politik atau lain-lain kegiatan.³⁸

³⁶ Perkara 3(12)&(13) UUK Perumahan Awam 2000

³⁷ Perkara 3(17) UUK Perumahan Awam 2000

³⁸ Perkara (7) &(19) UUK Perumahan Awam 2000

v. Memberi Bantuan Kepada Jabatan Perumahan Awam (JPA)

DP juga memberi kerjasama kepada JPA untuk menyelenggara pengurusan perumahan awam. Antaranya mengawal kaunter-kaunter zon dan ibu pejabat JPA secara langsung dengan menentukan orang ramai berbaris. DP juga berperanan memberi bantuan kepada JPA dalam menyelaraskan tugas-tugas tindakan operasi, bancian, sita, rampas rumah/kedai/kilang. DP juga turut memberi bantuan dan kerjasama di dalam setiap aktiviti yang dikelolakan oleh JPA seperti aktiviti Persatuan Penduduk, kegiatan pertubuhan dan lain-lain.³⁹ Di samping itu Unit ini bertanggungjawab mengawal proses undian unit rumah pangsa/projek usaha sama swasta dan DBKL.

3.1.4. Kawalan Setinggan

Setinggan dapat ditakrifkan sebagai apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, sengkuap, tempat perteduhan, kurungan beratap atau apa-apa binaan yang bercantum dengan sesuatu binaan lain yang dibuat untuk kediaman manusia kecuali yang mendapat kelulusan dari pihak berkuasa.⁴⁰ Kawalan setinggan diletakkan di bawah bahagian **Kawalan Dan Penempatan Semula Setinggan. (BKPS)**

Fungsi utama bahagian ini dalam mencegah dan mengawal pertumbuhan setinggan baru di atas tanah kerajaan/Rezab **Wilayah Persekutuan**. Ia juga melaksanakan beberapa program yang berkaitan dengan setinggan. Antaranya

³⁹ Op. Cit., hal. 104

⁴⁰ Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu)Dharurat 1969 (Pembersihan Setinggan) 1969

membanci setinggan kerana terlibat dengan projek pembangunan atau ditimpa bencana alam sama ada banjir atau setinggan. Mereka juga membantu pemaju mengendalikan pemindahan setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan penswastaan tanpa peruntukan oleh **DBKL** atau yang ditimpa bencana alam. Selain itu mereka turut mengendalikan pemindahan setinggan-setinggan ke rumahpanjang atau rumahpangsa **DBKL**.

Peruntukan kuasa yang diguna pakai dalam melaksanakan tugas ini adalah dapat dibahagikan kepada dua bahagian . Pertamanya Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu)Dharurat 1969 (Pembersihan Setinggan) 1969. Di bawah peraturan empat dan lima memperuntukkan mengenai kuasa meruntuh rumah setinggan yang menceroboh tanah kerajaan, tanah rezab kerajaan, tanah lombong dan tanah hutan. Bahagian ketiga, iaitu peraturan enam sehingga 23 berkaitan dengan tanah persendirian, iaitu pemilik tanah boleh meruntuhkan rumah-rumah setinggan dan boleh meminta kerajaan meruntuhkan rumah tersebut. Keduanya keputusan kabinet mengenai dasar menyatakan bahawa setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan (tanah kerajaan) hendaklah diberikan peruntukan kediaman gantian.⁴¹

3.1.4.1. Aktiviti-Aktiviti Penguatkuasaan

Terdapat beberapa aktiviti yang dilaksanakan oleh **BKPS** dalam usaha membasmi kewujudan setinggan-setinggan baru di **KL**. Untuk menjamin keberkesanan usaha ini, **BKPS** telah membahagikannya kepada tiga unit kecil.⁴²

⁴¹ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁴² Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

Pertamanya bahagian yang melaksanakan kerja membanci kampung setinggan yang telah dikenal-pasti terlibat dengan projek pembangunan atau terlibat dengan bencana alam.⁴³ Sepanjang tahun 1998, bahagian ini telah membanci 1893 keluarga warganegara dan 342 keluarga bukan warganegara yang tinggal di 2298 buah setinggan. Bahagian ini juga bertanggungjawab mendapatkan maklumat setinggan yang terlibat dengan bencana alam. Sepanjang tahun 1998 terdapat sembilan buah setinggan yang terlibat dengan bencana alam, iaitu lapan akibat kebakaran dan satu akibat banjir.⁴⁴

Di samping itu **BKPS** juga bertanggungjawab menyelenggarakan pemindahan setinggan. Pemindahan setinggan ini dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertamanya pemindahan setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan penswastaan tanpa peruntukan oleh **DBKL**. **DP** hanya berperanan membantu pihak berkenaan. Manakala kategori yang kedua pula ialah pemindahan setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan dan bencana alam ke Rumahpanjang dan Rumahpangsa **DBKL**. Operasi ini diselenggara sepenuhnya oleh **DP**. **BKPS** turut menjalankan kerja-kerja meroboh terhadap struktur setinggan baru. Sepanjang tahun 1998 DP telah merobohkan 505 struktur setinggan yang terdiri dari bengkel atau setor,kilang, kuil atau tokong, gerai, pagar dan sambungan haram.⁴⁵

⁴³ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁴⁴ Sila rujuk Lampiran XI(x)

⁴⁵ Op. Cit., hal. 49, Sila Rujuk Lampiran XI(xi)

4.1.5 Masalah Sosial

Gejala sosial yang berlaku di kalangan masyarakat bandaraya turut menjadi perhatian **DP**. Bahagian yang berperanan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan masalah ini ialah Bahagian Kawalan Sosial dan Unit Kawalan Taman. Tugas ini dilaksanakan oleh **DP** secara bersendirian atau bekerjasama dengan agensi lain. Ini kerana terdapat beberapa masalah yang berada di luar bidangkuasa **DP**. Contohnya dengan JAWI, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Polis DiRaja Malaysia

Antara aspek penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh **DP** dalam membentras masalah sosial dalam masyarakat bandar raya adalah vandalisme. Vandalisme ialah perbuatan merosakkan harta awam yang diperuntukan di bawah Undang-Undang Kecil Vandalisme (WP) 1991, di mana di bawah undang-undang ini disenaraikan kesalahan yang perlu diambil tindakan oleh pegawai penguatkuasa.⁴⁶ Selain dari mengenakan tindakan, **DP** juga menjalankan kempen anti-vandalisme dengan mengadakan ceramah-ceramah di sekolah-sekolah sekitar Bandaraya **KL**.⁴⁷

DP juga diperuntukkan kuasa untuk membanteras gejala maksiat di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka)(WP)1992 mengenai larangan menggunakan bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan tidak sopan di Dataran Merdeka. Di samping itu Unit Kawalan Taman juga bekerjasama dengan JAWI, Jabatan Imigresen, Jabatan

⁴⁶ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁴⁷ Interview dengan Penguasa DP En Ahmad Sauffi Bin Muhamad pada 21 Mac 2002

DP juga diperuntukkan kuasa untuk membanteras gejala maksiat di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka)(WP)1992 mengenai larangan menggunakan bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan tidak sopan di Dataran Merdeka. Di samping itu Unit Kawalan Taman juga bekerjasama dengan JAWI, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Polis DiRaja Malaysia untuk mencegah maksiat dan perlakuan sumbang di Rumah Urut, Hotel-Hotel dan Taman-Taman. Antara operasi yang dilaksanakan ialah Operasi Bersepadu dengan agensi lain untuk membanteras kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti pelacuran, penagih dadah sekaligus mengubah imej kawasan Lorong Haji Taib.⁴⁸

Masalah pengemis dan kuturayau juga merupakan antara masalah sosial yang melanda bandar raya dan mencacatkan keindahan dan keselesaan penduduknya. Untuk mengatasi masalah ini **DP** telah melaksanakan “Operasi Membasmi Kutu Rayau” sama ada diketuai oleh **DBKL** atau diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.⁴⁹ Aktiviti ini juga disertai oleh Jabatan Imigresen dan Polis DiRaja Malaysia. Sepanjang tahun 1998, dalam operasi yang diketuai oleh DP, sebanyak 88 orang kutu rayau yang terdiri dari penagih dadah dan orang-orang tua telah ditahan, manakala 96 orang lagi telah dibebaskan dengan amaran.⁵⁰ Bagi tindakan operasi yang diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, seramai 47 orang pengemis dan kuturayau telah ditangkap.⁵¹

⁴⁸ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁴⁹ *Op. Cit.*, hal. 77

⁵⁰ Sila rujuk Lampiran XI(xii)

⁵¹ Sila rujuk Lampiran XI(xiii)

Masalah penagih dadah juga merupakan satu masalah sosial yang melanda KL. Penagih-penagih ini selalu menjalankan aktiviti penagihan di lorong-lorong belakang bangunan-bangunan di sekitar KL yang mencacatkan pemandangan kota. Bagi mengatasi masalah ini DP telah bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (Jabatan Narkotik) untuk menangkap penagih dadah dan menghantar mereka ke Pusat Serenti. Manakala Operasi Bersepadu dilaksanakan secara berterusan di sekitar Lorong Haji Taib yang merupakan sarang penagih dadah.⁵² Sepanjang tahun 1998, 614 orang penagih telah ditahan dan 379 orang telah dihantar ke Pusat Serenti.⁵³

DP juga bertanggungjawab mengawasi penjaga kereta dan motorsikal haram. Penjaga kenderaan dan motorsikal haram ini mengadakan aktiviti menjaga kereta/motorsikal di tempat-tempat letak kereta dan motorsikal tanpa kebenaran dari pihak berkuasa (DBKL). Selalunya mereka ini terdiri daripada kuturayau/penagih dadah Tindakan yang dijalankan ke atas golongan ini di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.⁵⁴ Dalam melaksanakan tindakan operasi DP berkerjasama dengan Polis (Jabatan Narkotik). Sebanyak 214 penjaga kereta dan motorsikal haram telah ditahan sepanjang tahun 1998.⁵⁵

DP juga berkuasa mengambil tindakan terhadap penjual Keputusan 4D dan Sports Toto. Golongan ini menjalankan aktiviti menjual keputusan tersebut di

:

⁵² Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁵³ Sila rujuk Lampiran XI(xiii)

⁵⁴ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁵⁵ Sila rujuk Lampiran XI(xiv)

jalan-jalan raya kepada pemandu kenderaan yang berhenti semasa lampu isyarat merah. Tindakan diambil di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.⁵⁶

Di samping itu **DP** juga bertangungjawab mengawasi Pusat Hiburan. Dalam melaksanakan tugas ini DP berkerjasama dengan Jabatan Pelesenan DBKL, Polis DiRaja Malaysia dan FINAS. Bidang kuasa penguatkuasaan tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Hiburan (WP) 1993. Memastikan pengusaha pusat hiburan mematuhi apa yang diperuntukan di dalam lesen⁵⁷

4.1.6. Kawalan Taman

Pegawai penguatkuasa berperanan melakukan pengawasan di kawasan taman-taman di sekitar KL melalui tindakan rondaan berjalan kaki, berkuda atau bermotorsikal di seluruh kawasan bagi menguatkuasakan undang-undang untuk melindungi seluruh kawasan taman, memastikan kemudahan awam yang disediakan berada dalam keadaan baik dan memastikan kawasan tersebut sentiasa berada di dalam keadaan baik dan bersih. Di samping itu **DP** berperanan membantu mengawal segala aktiviti rekreasi dan perhimpunan atau perayaan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan atau pihak swasta⁵⁸

Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh **DP** adalah di bawah peruntukan undang-undang khususnya Undang-Undang Kecil Taman (WP) Kuala Lumpur 1981 dan Undang-Undang Kecil Dataran Merdeka (WP KL) 1991,

⁵⁶ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁵⁷ Kaedah-Kaedah Hiburan (WP) 1993

⁵⁸ Undang-Undang Kecil Taman (WP) Kuala Lumpur 1981 dan Undang-Undang Kecil Dataran Merdeka (WP) KL 1991

kedua-dua undang ini memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan di taman. Antaranya merosakkan harta awam serta kemudahan awam, membuang sampah merata-rata serta berkelakuan tidak sopan.⁵⁹ Manakala bagi kesalahan melanggar peraturan jalanraya (kesalahan trafik statik) dan tempat letak kereta (diletakkan di luar petak letak kereta yang dikhaskan) di kawasan taman dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta Kaedah Lalulintas Jalan 1969/1984.⁶⁰ Pada tahun 1998 Unit Kawalan Taman telah mengambil tindakan sebanyak 12691 dan Unit Kawalan Dataran Merdeka pula sebanyak 18015 ke atas pelbagai kesalahan di atas.⁶¹

4.1.7 Menyelaras Dan Mengumpul Maklumat Melalui Sistem Maklumat Pusat (CIS) Dan Menyelaras Tindakan Antara Jabatan-Jabatan DBKL/Luar DBKL Melalui Sistem Bilik Gerakan Pusat

Salah satu fungsi DP yang tidak kurang pentingnya ialah menyiasat aduan dan maklumat yang dikemukakan oleh orang ramai mengenai aktiviti-aktiviti atau perilaku yang melanggar undang-undang di sekitar KL. Unit Pemusatan Maklumat adalah unit yang bertanggungjawab menerima segala maklumat atau aduan ke dalam komputer dan menyalurkan maklumat tersebut ke jabatan, bahagian atau unit tertentu untuk siasatan lanjut. Penyiasatan terhadap aduan ini pula dilakukan oleh jabatan atau bahagian untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan mengikut kuasa yang diwakilkan. Di

⁵⁹ Undang-Undang Kecil Taman (WP) Kuala Lumpur 1981 dan Undang-Undang Kecil Dataran Merdeka (WP) KL 1991

⁶⁰ Op. Cit., hal. 80

⁶¹ Sila rujuk Lampiran XI(xv)

samping itu **DP** juga turut melaksanakan tindakan bersepada dengan jabatan-jabatan lain di **DBKL** atau agensi-agensi kerajaan yang lain mengikut keperluan.⁶²

4.1.8. Operasi Menyelamat

Selain menguakuasa undang-undang, **DP** juga terlibat dengan operasi menyelamat jika berlaku sesuatu bencana atau kecemasan. Tanggungjawab ini dilaksanakan selaras dengan Sek. 101 (V) Akta Kerajaan Tempatan 1976.⁶³ Operasi menyelamat ini diletakkan di bawah tugas Skuad Menyelamat yang terdiri dari Unit Skuba, Unit Paramedic dan Unit Mencari dan Menyelamat.⁶⁴ Sepanjang tahun 1998, Skuad penyelamat telah terlibat dalam beberapa siri operasi menyelamat, iaitu 9 bencana kebakaran, empat bencana banjir, dua tanah runtuh dan lima kemalangan diri.⁶⁵

4.1.9 Melatih Anggota Penguatkuasa

Salah satu fungsi **DP** yang tidak kurang pentingnya ialah memberi latihan-latihan khusus bagi meningkatkan kemahiran hingga tercapainya matlamat mewujudkan satu pasukan penguatkuasa yang profesional. Setiap anggota

⁶² Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁶³ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁶⁴ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

⁶⁵ Sila rujuk Lampiran XI(xvi)

penguatkuasa yang baru dilantik diwajibkan mengikuti Kursus Asas Penguatkuasaan selama lima bulan. Kursus ini bertujuan melengkapkan diri para pelatih dengan pengetahuan tentang undang-undang, latihan berkawad, pembangunan rohani dan fizikal. Oleh itu antara aspek penting yang ditekankan ialah memupuk semangat kerja dalam satu kumpulan sejajar dengan kehendak pasukan beruniform. Selepas itu anggota DP akan mengikuti beberapa kursus secara berperingkat antaranya;

- a. **Kursus Ulangkaji** yang wajib dijalani selepas kursus asas. Isi kandungan kursus lebih tertumpu kepada undang-undang dan latihan kawad yang telah dipelajari semasa kursus asas.
- b. **Kursus Lanjutan.** Kursus ini khusus untuk anggota ber pangkat Koperal dan Sarjan.
- c. **Kursus Perundangan.** Khusus untuk pegawai sahaja.
- d. **Kursus Tatacara Mahkamah.** Kursus ini bertujuan untuk mendidik anggota penguatkuasa menjadi saksi yang berkesan di mahkamah.
- e. **Kursus aduan dan pembinaan saksi.** Kursus ini bertujuan untuk memantap anggota penguatkuasa sebagai seorang saksi
- f. **Kursus penyiasatan dan pendakwaan.** Kursus ini pula dijalankan untuk melatih anggota penguatkuasa sebagai penyiasat dan dapat menjalankan sendiri pendakwaan di mahkamah.

4.1.10 KEBERKESANAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG

:

Tidak dapat dinafikan bahawa DP dapat membendung pelbagai masalah yang berada di bawah kuasanya seperti masalah penjaja tanpa lesen,

peniaga yang berniaga di tempat yang dilarang seperti di siar kaki jalan atau tepi jalan, masalah trafik, masalah kebersihan tempat-tempat awam dan alam sekitar, masalah setinggan dan masalah sosial. Namun begitu masalah ini tidak dapat dibenteras sepenuhnya.

Setinggan masih merupakan masalah yang menghantui Bandaraya KL, kajian yang dilakukan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mendapati, KL adalah antara tiga buah negeri yang mencatatkan penempatan setinggan paling tinggi iaitu sebanyak 26, 941 unit.⁶⁶ KL juga menghadapi masalah pembuangan sampah haram secara berleluasa oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, terutamanya pembuangannya ke dalam sungai-sungai dan saliran-saliran di ibu kota yang dianggap faktor utama menyebabkan berlakunya banjir kilat di KL.⁶⁷

Masalah sosial juga merupakan masalah yang agak kronik di Wilayah Persekutuan KL, statistik yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2001 telah menunjukkan sebanyak 175 kes wanita teraniaya dan dipergunakan bagi maksud pelacuran dan aktiviti tidak bermoral yang telah dihantar ke Taman Seri Puteri. Manakala bagi kes kesalahan juvana yang dihadapkan ke mahkamah melibatkan jenayah mencuri, bersabit dengan orang, kesalahan jantina, melanggar ordinan tahanan, judi, melanggar undang-undang kecil perbandaran dan lalulintas, tidak terkawal dan lain-lain berjumlah 252

:

⁶⁶ Salina Abdullah, *Penduduk Setinggan Perlu Sedia Pindah*, Utusan Malaysia, 7 April 2002

⁶⁷ Zaini Raban Dan Laupa Junus, *Berpuah-puluh Tan Sampah dalam Sungai Punca Banjir*, Utusan Malaysia, 31 Oktober 2001

orang.⁶⁸ Bagi kes penagihan dadah pula maklumat daripada Polis DiRaja Malaysia bagi tahun 2000 mencatatkan sebanyak 1275 kes yang telah di kesan di KL.⁶⁹

Terdapat beberapa aspek yang dikenal-pasti yang menyebabkan keadaan ini.⁷⁰ Antaranya dari aspek perundangan di mana denda yang dikenakan terlalu rendah menyebabkan orang yang dikenakan tindakan undang-undang tidak serik untuk mengulangi kesalahan. Di samping itu, **DP** tidak dapat melaksanakan tugas penguatkuasaan dengan berkesan kerana bidang kuasa yang terhad dalam peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan gejala sosial negatif seperti masalah maksiat, penagihan dadah, pengemis dan kuturayau. Di mana **DP** terpaksa bekerjasama dengan agensi-agensi luar untuk membasmikan masalah ini. Terdapat juga masalah-masalah baru yang wujud tetapi tidak ada peruntukan undang-undang berkaitan dengannya seperti VCD haram dan cuci kereta haram.

Manakala dari aspek gerak kerja pula, **DP** menghadapi masalah kekurangan kakitangan untuk mengawasi penjaja kecil lantaran kawasan penjaja yang berselerak di dalam lingkungan yang luas. Oleh itu **DP** memerlukan tenaga yang banyak bagi mengawasi dan mengawal setiap tempat sama ada dari aspek kebersihan atau perniagaan yang dijalankan mempunyai lesen.

DP juga menghadapi masalah kerana sikap orang ramai sendiri yang tidak faham undang-undang atau tidak mempunyai kesedaran sosial dan jati diri dan

⁶⁸ Maklumat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.kempedu.gov.my/jkm/web/mel>
21 Julai 2002

⁶⁹ Maklumat Daripada Polis DiRaja Malaysia Bukit Aman, 25 Julai 2002

⁷⁰ Interview dengan Timbalan Penguasa En V Gunalan pada 22 Mei 2002

nilai agama sehingga mereka dengan sewenang-wenangnya melanggar peraturan dan undang-undang perbandaran.

Di samping itu terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka melanggar peraturan antaranya penjaja kecil tidak serik melanggar peraturan contohnya bermiaga tanpa lesen atau bermiaga di tempat yang dilarang kerana pekerjaan tersebut merupakan punca pendapatan mereka oleh itu mereka akan berterusan menjalankan perniagaan selagi tidak mendapat pekerjaan lain atau kerana tempat yang tidak dibenarkan itu lebih strategik dan menguntungkan. Satu lagi masalah yang dihadapi oleh **DP** kebanjiran warganegara asing tanpa izin yang terlibat dengan perniagaan tanpa lesen seperti tukang kasut, gerai makanan malah menyemarakkan pertumbuhan setinggan di sekitar **KL**.

4.1.11 Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan **DP** memainkan peranan yang penting mengawasi aktiviti penghuni bandaraya **KL** serta menguatkuasakan undang-undang sama ada dari aspek kebersihan, perumahan, jalan raya, kemudahan awam, setinggan dan masalah sosial. DP telah melaksanakan tugas penguatkuasaan dengan aktif jika dilihat pada statistik tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas pelbagai kesalahan di bawah kuasanya. Walau bagaimanapun ia tidak boleh dijadikan kayu pengukur kepada keberkesanan tindakan yang diambil. Di mana masalah-masalah ini masih belum dapat diatasi secara keseluruhannya.

4.2 PERBANDINGAN DI ANTARA IH DENGAN DP DARI SUDUT SEJARAH DAN PELAKSANAANNYA

Bahagian ini akan membincangkan mengenai persamaan dan perbezaan di antara **IH** dengan **DP**. Perbandingan di antara kedua institusi ini akan dilihat dari sudut perkembangan mereka di dalam , pelaksanaan dari sudut fungsi dan bidang kuasa dan juga dari aspek kakitangan pelaksananya. Aspek-aspek ini disentuh kerana ia merupakan identiti dan kekuatan utamanya.

4.2.1 Sejarah Penubuhan Dan Perkembangan Struktur Organisasi dan Undang-Undang Yang Dikuatkuasakan

Di dalam bahagian ini akan membincangkan tentang sejarah penubuhan **Institusi Hisbah dan Direktorat Penguatkuasaan** dengan melihat dari sudut perkembangannya dan undang-undang yang dikuatkuasakan.

4.2.1.1 Sejarah Penubuhan Dan Perkembangan Sudut Sejarah

Tidak dapat dinafikan bahawa doktrin dan prinsip *hisbah* telah wujud sejak zaman permulaan *Islām* lagi iaitu pada kurun ke-lapan Masihi, kerana ia adalah antara prinsip utama *Islām* memastikan manusia melakukan kebaikan apabila ia ditinggalkan dan mencegah kemungkaran apabila ia berleluasa dalam

masyarakat.⁷¹ Rasūlullāh s'aw dan para sahabat telah melaksanakan *amr ma'rūf* dan *nahiyyi mungkar* yang merupakan intipati kepada IH berlandaskan firman Allāh swt yang berbunyi:⁷²

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٦

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islām) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Ayat ini menjadi panduan kepada Rasūlullāh s'aw untuk mengaplikasikan prinsip ini dengan mengawasi persekitaran dan tingkah-laku masyarakat agar tidak terjerumus melakukan perbuatan maksiat dan meninggalkan perbuatan *ma'rūf*.

Bertitik-tolak dari hakikat ini Rasūlullāh s'aw amat menitik beratkan amalan *hisbah* di dalam semua aspek kehidupan masyarakat sama ada '*ibadah*, akhlak, *mu'amalah*, pergaulan, kemudahan awam, pendidikan, pentadbiran dan sebagainya.⁷³ Walau bagaimana pun pada peringkat awal *Islām* bidang yang paling ketara mendapat perhatian ialah pengawasan di pasar. Ini kerana pasar merupakan nadi utama kehidupan penduduk kota Madinah pada masa itu dan tempat yang paling banyak sekali berlaku kemungkaran, sama ada dari aspek perniagaan, akhlak, pergaulan, kebersihan dan sebagainya. Lantaran itu Rasūlullāh s'aw telah melantik seorang pegawai penguatkuasa yang dikenali

⁷¹ Auni Hj Abdullah,(1994), *Hisbah Dalam Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur:IKDS SDN BHD, hal. 17-18, Abū Zaid, Syihān Mustafā,(1987), *Al-Ḥisbah fī Al-Miṣr Al-Islāmiyyah*, Miṣr:Al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-Āmmah li al-Kitāb, hal. 141

⁷² *Ā-Li 'Imrān* : 104

⁷³ Auni Hj Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 1

sebagai *sāhib al-sūq* untuk mengawasi aspek-aspek tersebut.⁷⁴ Kenyataan ini menunjukkan bahawa prinsip dan asas pengawasan di bandar telah wujud sejak zaman *Rasūlullāh s'aw*, di mana salah satu ciri penting perbandaran iaitu pasar telah mendapat perhatian utama demi menjamin keselesaan dan keperluan penduduk bandar berlandaskan undang-undang *Islām*.

Amalan ini diteruskan oleh penganti *Rasūlullāh s'aw* sama ada pada zaman *Khulafā' al-Rāsyidin* atau khalifah-khalifah selepas itu. Justeru **IH** telah berkembang dalam tradisi pemerintahan *Islām* serentak dengan perkembangan *Islām* itu sendiri. Perkembangan ini berlaku sama ada dari sudut pentadbiran, bidang kuasa dan kedudukan sesuai dengan tuntutan dan keperluan pada masa itu.⁷⁵ Amalan *hisbah* wujud dalam bentuk institusi yang berasingan pada zaman pemerintahan *Khalifah al-Mansūr*, diketuai oleh seorang *al-muhtasib* dengan beberapa orang pembantu. Mempunyai Kedudukan yang tinggi sebagai institusi pengadilan yang ketiga penting selepas *Wilāyah al-Mazālim*⁷⁶ dan *Wilāyah al-Quḍhāh*^{77 78}.

Jika dilihat dari sudut fungsinya pula **IH** telah berkembang dari bentuk yang sederhana iaitu bermula dengan pengawasan di pasar. Fungsi ini kemudiannya berkembang kepada pengawasan aspek-aspek perbandaran yang lain iaitu masjid, tempat kediaman, perdagangan dan perindustrian, jalan

⁷⁴ Ibn Hajar al-Asqalani, (t.t.), *Al-Isābah fī Tamyyiz Al-Sāḥabah*, Beirut: Dār al-Sādir, jil. 3: hal. 96
⁷⁵ Auni Hj Abdullah, *Op. Cit*, hal. 21 :

⁷⁶ Institusi yang mempunyai peranan untuk menegakkan keadilan, menghapuskan kezaliman dan berusaha memastikan bahawa tidak akan berlaku penyalahgunaan kuasa golongan yang memerintah dan berpengaruh.

⁷⁷ Institusi yang menyelesaikan pertikaian, menyelesaikan persengketaan, menghukum yang bersalah , memberi hak kepada yang berhak dan mencegah kezaliman daripada dilakukan. Di dalam bahasa Malaysia dikenali sebagai institusi Kehakiman.

⁷⁸ *Ibid*, hal. 82

raya dan kemudahan awam. Pengawasan yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh tidak hanya terhad kepada aspek fizikal semata-mata tetapi juga aspek kerohanian dan akhlak.⁷⁹ Contohnya *al-muhtasib* mengawasi aktiviti jual-beli, perdagangan dan perindustrian di pasar untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan. Di samping itu mereka juga akan mengawasi kebersihan dan susun atur kedai untuk menjamin kebersihan dan keselesaan pasar serta mengawasi akhlak pengguna pasar agar tidak bertentangan dengan *Islām*.⁸⁰ Walau bagaimanapun perkembangan yang berlaku itu tidak bertentangan dengan landasan undang-undang *Islām* di mana ia bertujuan untuk melindungi lima aspek yang penting dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, nasab, fikiran dan harta benda.⁸¹

IH telah memberi sumbangan yang besar pada zaman kegemilangannya di dalam memajukan sektor perusahaan, perniagaan dan perindustrian di bandar-bandar *Islām* menerusi peranannya sebagai pengawas di pasar. Begitu juga di dalam menyedia dan meningkatkan kualiti kemudahan awam dan kebersihan persekitaran bandar serta aspek kesihatan, pendidikan. Malah telah berjaya mengawasi kehidupan masyarakat sama ada dari sudut pergaulan, akhlak dan aktiviti kerohanian.

Kedudukan **IH** sebagai satu institusi yang penting di dalam empayar *Islām* telah merosot lantaran dari kemunduran empayar *Islām* sendiri sama ada dari segi sosial, ekonomi, politik dan ketenteraan ekoran daripada keruntuhan nilai-nilai

⁷⁹ Walīd ‘Abd al-Lah ‘Abd Al-‘Azīz Al-Munīs,(1995), *Al-Ḥisbah ‘alā Mudun Wa Al-Umrān*, hal.56- 64, al-Baghdadi, *Tārīkh al-Baghdād*, jil. 12:hal. 243-247

⁸⁰ *Ibid*, hal. 24

⁸¹ Al-Għażali,(1980), *Iḥyā’ Ulumüddin*, al-Qāhirah ; Där Al-Fikr, jil. 2 : hal. 304

Islām.⁸² Ia juga berpunca dari dasar serta sikap pemerintah dan pegawai tadbir yang bersifat kuku besi, mengamalkan rasuah, bersengketa, dan lebih parah lagi masyarakat *Islām* telah diselubungi oleh *roh taqlīd*⁸³ yang tidak sihat.⁸⁴

Memburukkan lagi keadaan, di zaman kelemahan empayar *Islām* pemerintah-pemerintahnya cuba membaiki keadaan dengan melakukan pembaharuan di dalam sistem pentadbiran dan ketenteraan dengan mendapatkan bantuan daripada barat. Contohnya *Khalīfah Salim III* telah mendapatkan bantuan Perancis untuk membantunya melakukan pembaharuan di dalam bidang ketenteraan dan pentadbiran.⁸⁵ Kedatangan penjajahan Barat yang menjajah sesetengah negara *Islām* juga telah menghakis terus institusi ini di dari pentadbiran negara sebagaimana yang berlaku di Mesir yang dijajah British pada tahun 1882M sehingga 1918M.⁸⁶

Di Iran misalnya selepas kejatuhan *Kerajaan Safwāid* pada tahun 1722 M, peranan **IH** merosot dan mengalami proses sekularisasi. Bidang kuasa telah dipecahkan kepada berbagai jabatan yang berbeza. Peranan *al-muhtasib* ialah menetapkan harga barang dan memeriksa sukatan dan timbangan.⁸⁷ Mulai pertengahan abad ke-19 M, kewujudan *al-muhtasib* di bandar-bandar beransur lupiter. Tidak lama selepas terbentuknya jabatan polis pada tahun 1880 M, pentadbiran *hisbah* telah diletakkan di bawah penguasaannya. Sejak itu kedudukan *al-muhtasib* sebagai penguatuasa yang mengendali sebuah institusi

⁸² Prof. Madya Fadhlullah Jamil, (2000), *Islam Di Asia Barat Modern Sejarah Penjajahan Dan Pergolakan*, Selangor: Thinker's Libraray SDN BHD, hal. 124

⁸³ *Ibid*, hal. 197

⁸⁵ *Ibid*, hal. 124

⁸⁶ *Ibid*, hal. 221

⁸⁷ Auni Hj Abdullah, *Op. Cit.*, 32-33

agama dan menangani pelbagai keperluan rakyat telah terhenti. Tugasnya diambil alih oleh jabatan polis.⁸⁸

IH di bawah pemerintahan kerajaan *Mamlūk* di Mesir, yang merupakan sebahagian daripada kerajaan '*Uthmaniyyah*', tetapi masih mengekalkan autonominya dari segi pentadbiran.⁸⁹ **IH** telah mengalami kemerosotan akibat kemerosotan moral di kalangan pegawai kerajaan. Jawatan *al-muhtasib* menjadi rebutan dan diperolehi melalui rasuah. Malah kadang-kadang jawatan itu dijawat oleh orang yang tidak berkelayakkan. Dengan itu *al-muhtasib* tidak lagi memiliki kewibawaan yang istimewa di sisi masyarakat.⁹⁰

Apabila Muhammad Ali Pasya⁹¹ megucasai Mesir pada tahun 1805 beliau telah bertindak mengembalikan kewibawaan *al-muhtasib*. Tetapi kedudukan itu tidak lama kerana pada 1819 M, beliau telah menghakis kuasa *al-muhtasib* dengan memansuhkan kedudukannya sebagai satu jabatan. Sebaliknya *al-muhtasib* telah diletakkan sebagai kakitangan di bawah kekuasaan Raja (*khadive*). Ketika ini, *al-muhtasib* telah hilang fungsinya yang asal dan lebih banyak memainkan pelbagai peranan mengikut selera kemahuan raja.⁹²

Pada masa yang sama, kelumpuhan **IH** ini berlaku di pusat kekuasaan empayar *Uthmaniyyah* di Istanbul. Dalam tahun 1826M kedudukan **IH** sebagai jawatan berasingan telah dihapuskan dan telah diletakkan di bawah jabatan '*ihtisab nazerati*' yang diterajui oleh pegawai kerajaan yang bertindak sebagai

⁸⁸ *Encyclopedia Of Islam*,(1979), hal. 3: hal. 489, Auni Hj Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 40

⁸⁹ Fadhlullah Jamil, *Op. Cit.*, hal. 197

⁹⁰ Syihām Abū Zaid, *Op. Cit.*, hal.94-95, Auni Hj Abdullah

⁹¹ Wakil kerajaan Uthmaniyyah di Mesir setelah menamatkan pemerintahan kerajaan *al-Mamlūk*

⁹² Auni Hj Abdullah, *Op. Cit.*, hal.40

penyelia. Seterusnya dalam tahun 1854M, telah dimansuhkan dan di sini kelumpuhan kuasa *al-muhtasib* sudah tidak dapat dibendung lagi.⁹³

Di Tanah Melayu pula khususnya Kerajaan Melayu Melaka, walaupun tidak ada bukti yang jelas menunjukkan **IH** wujud tetapi terdapat satu jawatan yang paling dekat dengan peranan yang dimainkan oleh pegawai *al-muhtasib* iaitu syahbandar. Walau bagaimanapun kedatangan penjajah Barat seperti Portugis yang berjaya menakluki dan menjajah Melaka dari tahun 1511 hingga 1641 dan Belanda dari tahun 1641 hingga 1795, British dari tahun 1825 sehingga 1957 secara tidak langsung mengubah corak pengamalan dan penguatkuasaan undang-undang di Tanah Melayu yang sebelum ini berlandaskan *Islām* kepada sistem pentadbiran dan undang-undang Barat.⁹⁴

Situasi ini menyebabkan **IH** telah lumpuh dan diambil-alih oleh institusi penguatkuasaan moden yang telah berkembang di dalam pentadbiran negara *Islām* sehingga ke hari ini. Justeru institusi penguatkuasaan moden terus berkembang menangani permasalahan baru yang timbul dalam masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa jika **IH** diberi peluang yang sama, ia mampu menjadi satu badan penguatkuasaan yang efektif dan efisyen dalam menagani berbagai isu baru yang timbul kerana ia berlandaskan kepada prinsip *siyāsah syar'iyyah*.

:

⁹³ *Encyclopedia Of Islam*, Op. Cit., hal. 489

⁹⁴ Auni Hj Abdullah, Op. Cit., hal. 17-18, Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned,(2002), *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*, KL:DBP, hal. 15

4.2.1.2 Direktorat Penguatkuasaan

Berbeza dengan **IH, DP** sebagai jabatan pengawasan dan penguatkuasaan di **DBKL** adalah salah satu institusi pentadbiran moden di Malaysia, yang berkaitan dengan perbandaran seperti perancangan bandar, jalan raya, lampu jalan, kesihatan awam dan sebagainya, dilaksanakan oleh kerajaan tempatan.⁹⁵ Kerajaan Tempatan adalah satu pentadbiran awam berdasarkan wilayah tempatan, dan wilayah ini ditetapkan melalui undang-undang. Kuasa-kuasa pentadbiran dan fungsi-fungsinya juga ditentukan oleh undang-undang. Di antara sifat-sifat utama kerajaan tempatan ialah ia mempunyai satu badan pengurus yang bebas, selaku pembuat keputusan dalam garisan undang-undangnya.⁹⁶

Penubuhan badan ini berkait rapat dengan campurtangan penjajah British di Tanah Melayu pada akhir kurun ke-19. Menurut catatan sejarah Tanah Melayu, penguasa tempatan telah diperkenalkan oleh Inggeris setelah mereka mengambil-alih pentadbiran beberapa buah kerajaan negeri di Tanah Melayu dan menubuhkan penguasa tempatan jenis Lembaga Kebersihan Bandar (*Local Sanitary Board*). Lembaga ini telah diperkenalkan di **KL** pada tahun 1890. Lembaga ini bertanggungjawab mengenakan cukai pintu dan memberikan perkhidmatan mengangkut sampah, mengawal kebersihan kedai-kedai makanan dan pasar-pasar, menjaga kebersihan, pengurusan pasar, penyelenggara jalanraya dan longkang.⁹⁷ Kerajaan tempatan ini telah mengalami beberapa perubahan sama

:

⁹⁵ Tun Mohd Suffian,(1990) *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*, Pentj. Mohd Jajuli Rahman, KL:DBKL, hal. 133

⁹⁶ AR Zahari, *Op. Cit.*, hal. 34

⁹⁷ AR. Zahari, *Op. Cit.*, hal. 2-3

ada dari sudut struktur pentadbiran atau nama yang digunakan namun matlamatnya tetap sama memberi perkhidmatan dan keselamatan penduduk bandar.

Jika dilihat dalam konteks pengawasan dan penguatkuasaan di bandar, terdapat satu jabatan khusus di **DBKL** yang melaksanakan tugas ini dikenali dengan nama Direktorat Penguatkuasaan. Struktur organisasi dan fungsi unit penguatkuasaan ini telah mengalami perubahan dan perkembangan dalam tempoh 30 tahun. Sebelum tahun 1952 tidak ada satu jabatan khusus yang melaksanakan tugas penguatkuasaan tetapi dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang mempunyai kuasa yang berkaitan dengan aspek tersebut. Jabatan Kesihatan contohnya bertanggungjawab mengawasi kebersihan longkang dan salur air dan pembiakan haiwan perosak seperti nyamuk dan tikus. Pada tahun 1962 barulah diwujudkan unit penguatkuasaan yang dikenali dengan nama *Demolitan Squad* yang berperanan menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan setinggan dan penjaja kaki lima di sekitar jalan KL.⁹⁸

Manakala pada tahun 1969 Pesuruhjaya Kuala Lumpur telah menambahkan keanggotaan Unit ini dengan nama Pasukan Perbandaran Kuala Lumpur. Pada tahun 1975, Warden Trafik telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengawal lalu-lintas KL. Warden Trafik ini telah diserapkan ke Pasukan Penguatkuasaan ditukar namanya kepada Penguatkuasaan Khas. Pasukan ini ditugaskan mengawasi kebersihan premis-premis dan tempat awam.

:

⁹⁸ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

Pada tahun yang sama, tiga pasukan penguatkuasa iaitu pasukan Penguatkuasa Penjaja, Penguatkuasa Setinggan dan Penguatkuasa Khas di bawah pentadbiran yang berlainan telah digabungkan di bawah satu jabatan baru yang diberi nama Direktorat Penguatkuasaan. Unit ini berperanan menyelaras tindakan penguatkuasaan undang-undang melalui pengeluaran notis kesalahan dan kutipan kompoun. Justeru melalui bidang kuasa yang diperuntukkan, ia berperanan menjamin dan mengawal kebersihan tempat-tempat awam dan persekitaran, mengawasi trafik dan tempat letak kereta, mengawal dan mencegah pertumbuhan setinggan, mengawal aktiviti-aktiviti negatif seperti vandalisme, penagihan dadah, kegiatan menjaga kereta haram dan sebagainya. Kenyataan ini menunjukkan DP fungsi dan struktur organisasinya sentiasa berkembang mengikut peredaran dan keperluan masyarakat untuk mewujudkan suasana yang bersih, harmoni dan selesa di **Bandaraya KL**.

4.2.1.3 Sumber-Sumber Utama

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa IH merupakan salah satu Institusi Pengadilan Islam utama yang menguatkuasakan undang-undang *Islām*. Justeru sumber perundangannya yang utama terbahagi kepada dua. Pertamanya dalil-dalil syara' yang disepakati iaitu *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*, *ijmā'* dan *Qiyās*. Keduanya dalil-dalil syara' yang dipertikaikan iaitu *istihsān*, *mashālih-mursalah*, *istishab* dan '*urf syara'* sebelum kita dan *mazhab shāhibi*. Sumber-sumber tambahan ini (bahagian kedua) bagaimana pun bukan sesuatu yang terpisah dari sumber-sumber asasi tadi khususnya *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*.⁹⁹

⁹⁹ Drs. Jafril Khalid,(1999), *Konsep Dan Falsafah Perundangan Islam: Al-Syariah Konsep Dan Perundangan Islam*, KL: DBP, jil. 1 : hal. 1, Abd Aziz Bari,(1999), *Pelaksanaan Islam Melalui*

Perlu dijelaskan di sini bahawa pelaksanaan *hishah* amat berkait rapat dengan penggunaan *maslahah* sebagai salah satu sumber perundangan, di mana ulama' *Fiqh* telah membolehkan pemerintah menggunakan *maslahah* dalam urusan pemerintahan selagi tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip agama walaupun tidak terdapat dalil yang khas mengenainya. Di dalam sistem pentadbiran konsep ini dikenali sebagai *siyāsah syar'iyyah*. *Siyāsah syar'iyyah* dapat didefinisikan sebagai hukum-hukum dan peraturan yang disusun untuk kemudahan negara dan untuk mentadbirkan urusan ummah yang bersesuaian dengan roh syariah, bagi memastikan agar tujuan syariah dari aspek kemasyarakatan dicapai walaupun tiada dalil dari nas-nas terperinci dari *al-Qur'an dan al-Sunnah*.¹⁰⁰

Jika dilihat dalam konteks sumber undang-undang penguatkuasaan moden, perlu ditegaskan di sini bahawa selepas kemerdekaan 31 Ogos 1957 Persekutuan Tanah Melayu telah memilih sistem Inggeris iaitu sistem Demokrasi Berparlimen sebagai satu bentuk pemerintahan.¹⁰¹ Mengikut sistem ini kerajaan yang memerintah ialah kerajaan yang berwakil dan bertanggungjawab kepada rakyat, kerana rakyat yang memilihnya dan memberi mandat untuk memerintah.¹⁰² Kuasa mencorakkan undang-undang negara adalah bergantung kepada rakyat dan kerajaan yang memerintah. Kerajaan yang memerintah membuat dan meluluskan undang-undang untuk dilaksanakan mengikut kehendaknya, kerana biasanya

Kerangka Perlembagaan Dan Perundangan Malaysia Masalah Dan Potensinya: Jurnal Undang-Undang IKIM Law Journal. Jil. 3 Vol. 2

¹⁰⁰ Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob,(1996), *Siyasah Syariyyah Dalam Pentadbiran Dan Perundangan*, KL:IKIM, hal. 2

¹⁰¹ Razak Bi Yahya, (1967), *Corak Perlembagaan Malaysia*, KL:Penerbitan Utusan Melayu, hal. 25

¹⁰² Mohammad Suffian Bin Hashim,(1990) Pengenalan Kepada Perlembagaan Malaysia, hal. 75-76

mengikut sistem ini, kerajaan menguasai Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang merupakan badan membuat dan meluluskan undang-undang.¹⁰³

Apabila kita menyatakan “sumber” sebagai peraturan undang-undang yang menjadikannya undang-undang, kita boleh membahagikan undang-undang Malaysia kepada undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis. Sumber undang-undang bertulis mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di negara ini berserta perlembagaan-perlembagaan ketiga-tiga belas negeri yang menjadi persekutuan.
- b) Perundangan yang dibuat oleh Parlimen dan Dewan-dewan Negeri mengikut kuasa yang diberikan oleh perlembagaan-perlembagaan masing-masing; dan
- c) Perundangan kecil atau yang dikuasakan/diperbuat oleh seseorang atau badan-badan di bawah kuasa yang diberikan kepada mereka oleh Akta Parlimen atau enekmen Dewan-dewan Negeri.

Undang-undang tidak bertulis pula mengandungi yang berikut:

- a) Prinsip-prinsip undang-undang Inggeris yang dapat digunakan bagi keadaan tempatan;
- b) Keputusan-keputusan kehakiman di Mahkamah-mahkamah Tertinggi, iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy; dan

¹⁰³ *Ibid*, hal. 297

- c) Adat resam penduduk tempatan yang telah diterima sebagai undang-undang oleh mahkamah.Undang-undang *Islām* juga adalah sumber penting undang-undang Malaysia, tetapi ia hanya mengikat orang-orang *Islām* sahaja dan ditadbirkan oleh mahkamah yang berlainan.¹⁰⁴

Dalam konteks Kerajaan Tempatan, undang-undang yang digunakan selepas kemerdekaan Tanah Melayu ialah Undang-Undang Inggeris iaitu Undang-Undang Perbandaran 1948 sebagai asas kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya selaku kerajaan tempatan sehinggalah pada tahun 1976. Pada tahun tersebut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah diluluskan oleh Parlimen. Walau bagaimana pun Undang-Undang Perbandaran 1948 masih digunakan setakat mana yang sudah dikuatkuaskan kerana dikira sah dan masih diteruskan.¹⁰⁵ Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) adalah satu lagi sumber kuasa dan fungsi bagi DP. Selain daripada akta ini terdapat beberapa undang-undang kecil yang dibuat oleh DBKL sebagai sumber kuasa dan fungsi DP sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta 171. Antaranya Undang-Undang Kecil Penjaja Dan Peniaga Kecil 1989, Undang-Undang Kecil Perumahan Awam 2000, Undang-Undang Kecil Vandalisme dan Undang-Undang Kecil Taman (WP) Kuala Lumpur 1991.

:

¹⁰⁴ Wu Min An, (1999), *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, PJ:Longman, hal.24-25

¹⁰⁵ AR. Zahari. *Op. Cit.*, hal. 12

4.2.1.3 Perbandingan

Tidak dapat dinafikan bahawa sejarah penubuhan dan perkembangan serta sumber undang-undang bagi kedua-dua institusi ini telah mewujudkan perbezaan yang jelas terhadap kedua-dua institusi ini. Antaranya **IH** dalam sistem perundangan *Islām* merupakan institusi pengadilan yang melaksana dan menguatkuasakan undang-undang *Islām* khususnya di dalam kehidupan seharian meliputi aspek sosio-ekonomi, politik, kemudahan awam, ibadat dan sebagainya. Walau bagaimana pun bidang kuasanya terhad terhadap kesalahan *ta'zir* sahaja.

DBKL pula salah satu bentuk kerajaan tempatan yang wujud di Malaysia, merupakan badan pentadbiran yang menjalankan kuasa dan menguatkuasakan undang-undang. Oleh yang demikian menguatkuasakan undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perundangan tetapi tidak boleh menjalankan undang-undang kerana ia di bawah bidang kuasa institusi kehakiman. Oleh yang demikian jelaslah di sini bahawa di dalam sejarah tamadun *Islām*, **IH** mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam sistem perundangan *Islām* dan dapat melaksanakan tugas penguatkuasaan dengan lebih berkesan kerana kedudukannya sebagai sistem pengadilan. Manakala **DP** merupakan satu unit dalam organisasi kerajaan tempatan iaitu **DBKL** yang merupakan badan pentadbiran yang bidang kuasanya terhad di dalam menguatkuasakan undang-undang dan bukannya menjalankannya.

:

Begitu juga dari aspek sumber, undang-undang *Islām* yang menjadi landasan **IH** sangat unggul berbanding dengan mana-mana sahaja undang-undang

di dunia ini kerana ia berasaskan wahyu Tuhan yang sifatnya murni. Sedangkan undang-undang yang diluluskan di parlimen dalam konteks negara kita, merupakan hasil pemikiran manusia. Keadaan ini akan mewujudkan perbezaan yang asas iaitu apabila sesuatu undang-undang itu berasaskan kepada wahyu Tuhan tentu ia bersifat keagamaan. Dengan perkataan lain, ia merupakan undang-undang agama atau ketentuan-ketentuan yang berasaskan kepada pengajaran agama.

Kesan yang paling ketara sekali dari kedudukan ini ialah undang-undang tersebut akan dipatuhi bukan sahaja kerana sifatnya sebagai kehendak pemerintah, tetapi lebih daripada itu ia adalah perintah agama. Kepatuhan seperti ini biasanya akan berlaku dengan jujur dan ikhlas serta tidak dipengaruhi sifat-sifat nifaq dan hipokrasi¹⁰⁶. Keadaan sebaliknya di mana kepatuhan terhadap undang-undang buatan manusia hanyalah kerana kepatuhan kepada pemerintah semata-mata. Di mana mereka tidak akan teragak-agak menyalahinya jika merasa diri mereka selamat dari dikenakan tindakan undang-undang.

4.2.2 KEWIBAWAAN DAN FUNGSI

Tidak dapat dinafikan bahawa persamaan yang paling jelas wujud antara **IH** dengan Penguatkuasaan Perbandaran yang diwakili oleh **DP** ialah kedua-dua Institusi ini berperanan mengawasi masyarakat dan menguatkuasakan undang-undang. Bertujuan untuk menghindarkan masyarakat dari melakukan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang demi menjamin ketenteraman awam,

¹⁰⁶ Mahmood Zuhdi Abd. Majid,(1997), *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*, UM Penerbit Universiti Malaya, hal. 29

membendung gejala negatif dalam masyarakat serta mewujudkan suasana harmoni di bandar.¹⁰⁷

Kedua-dua institusi ini berperanan mengawasi keadaan sekeliling dan perlu membanteras jenayah dengan segera. Ini kerana tugas utama kedua-dua institusi ini ialah meronda dan mengawasi keadaan sekeliling serta membanteras sebarang kemungkaran atau pelanggaran peraturan dengan segera. Ini selari dengan fungsinya yang memerlukan tindak-balas yang segera seperti mengambil tindakan terhadap perbuatan meletakkan halangan di jalan raya sehingga menganggu para pengguna jalan raya. Selepas mengenal-pasti kesalahan, beliau boleh dengan segara menentukan hukuman mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan seperti memberi peringatan, mengenakan amaran keras atau menggunakan tangan (memusnahkan peralatan atau memukul).¹⁰⁸

Pegawai penguatkuasa juga menjalankan tugas yang sama. **DP** akan menjalankan rondaan harian yang dilakukan oleh unit-unit yang berkaitan contohnya unit trafik untuk menguatkuasakan peraturan jalan raya dan unit kebersihan pula untuk kawalan kebersihan. Di samping itu, **DP** juga menjalankan operasi berkala setiap bulan bergantung kepada keperluan. Cuma bentuk tindakan berbeza berbanding **IH** di mana ia dalam bentuk notis kompoun, atau tindakan sita, tunda atau roboh bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.¹⁰⁹

:

¹⁰⁷ *Ibid*, hal. 85, Al-Ārifī, Sa'ad Ibn Abdullah Ibn Sa'ad,(1407h), *al-Ilisbah wa al-Niyābah Āmmah*, Riyadh: Där al-Rasyd, hal. 111

¹⁰⁸ *Ibid*, hal. 85

¹⁰⁹ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

Perbezaan yang jelas di antara **IH** dan **DP** dapat dilihat dari skop fungsinya. Dalam konteks perbandaran *al-muhtasib* menguatkuaskan *syar'iah* dan mendidik masyarakat dalam segala aspek yang berkaitan perbandaran secara menyeluruh . Contohnya pengawasan di masjid sama ada aspek pembinaan masjid, adab-adab kakitangan masjid (imam dan bilal), kebersihan dan keselesaan masjid serta kelakuan pengguna-pengguna masjid, pasar, bangunan, tata-tertib di jalan raya dan sosial. Begitu juga pengawasan di pasar, meliputi pembinaan pasar, kedudukan kedai-kedai di pasar, etika jual-beli di pasar dipatuhi dan akhlak penjual dan pembeli di pasar. Oleh kerana *al-muhtasib* mengawasi keseluruhan aspek-aspek perbandaran sama ada dari segi fizikal atau akhlak maka ia telah menjamin keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang diambil.

Keberkesanan tindakan ini juga disebabkan *al-muhtasib* bukan sahaja melakukan pengawasan tetapi juga bertujuan mendidik dan membentuk akhlak masyarakat di samping menghukum orang yang melakukan kesalahan. Aspek ini amat dititik-beratkan kerana kemurnian akhlak adalah faktor penting di dalam mencorakkan perlakuan dan tingkah laku masyarakat. Malah penekanan aspek moral dan etika di dalam kegiatan masyarakat di bandar merupakan identiti utama **IH**. Hakikat ini selaras dengan peranan **IH** untuk menegakkan *moral order* dan mewujudkan etika yang standard dalam setiap aspek kehidupan dari peringkat individu ke peringkat negara, dalam ibadat, bidang pekerjaan, perniagaan, perusahaan, pergaulan dalam masyarakat, menggunakan kemudahan awam, kejiranan dan sebagainya. Oleh itu institusi *hisbah* juga digelar sebagai kuasa pembentuk adab sopan.¹¹⁰

¹¹⁰ Auni, *Op. Cit.*, hal. 152

Jika dilihat dari skop fungsinya **DP** juga menguatkuasakan undang-undang bagi mengawasi aspek-aspek perbandaran yang sesuai dengan keadaan hari ini. Antaranya mengawal dan menjamin kebersihan di tempat-tempat awam dan alam sekitar seperti di kawasan pusat bandar, tapak-tapak penjaja, mengawal aktiviti-aktiviti negatif seperti vandalisme, penagihan dadah. **DP** juga berperanan mengawal dan mencegah pertumbuhan setinggan-setinggan baru. Selain daripada itu bahagian ini juga bertanggungjawab menyelaras dan mengumpulkan maklumat melalui Sistem Maklumat Pusat (CIS) dan menyelaraskan tindakan antara jabatan-jabatan **DBKL**/luar **DBKL** melalui sistem Bilik Gerakan Pusat. **DP** juga berperanan memberi bantuan kecemasan terhadap mangsa-mangsa tragedi/bencana alam serta membantu agensi-agensi yang berkaitan.¹¹¹

Walau bagaimanapun **Bahagian Penguatkuasaan** tidak boleh menguatkuasakan undang-undang lebih daripada kuasa dan fungsi yang disebutkan secara khusus di dalam peruntukan undang-undang. Sekiranya terdapat mana-mana penguasa tempatan membuat sesuatu keputusan atau menjalankan tindakan atau mengadakan perkhidmatan yang tidak ada dihuraikan sebagai kuasa dan fungsi dalam kanun-kanun yang digunakannya, maka perbuatan seperti itu dikatakan melampaui kuasanya.¹¹² Peruntukan kuasa ini menyebabkan **DP** tidak dapat menguatkuasakan undang-undang bagi kesalahan yang bukan berada di bawah bidang kuasanya.

Contohnya di bawah **Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Dan Gerai 1989**, **DP** hanya berperanan menguatkuaskan kawalan kebersihan di luar

¹¹¹ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

¹¹² AR. Zahari, *Op. Cit.*, hal. 22-23

premis perniagaan sahaja manakala kebersihan di dalam premis perniagaan di bawah lawalan bahagian kebersihan. Begitu juga di bawah Akta Alam Sekeling 1998(Perwakilan Kuasa)(Penyiasatan Pembakaran Terbakar 2000) (Akta A1030), **DP** hanya berperanan menyiasat kegiatan pembakaran haram tetapi tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tetapi mesti melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar.¹¹³ Keadaan ini mengganggu keberkesanan tindakan penguatkuasaan menyebabkan **DP** tidak dapat mencapai objektif yang digariskan.

Berbanding dengan **IH** yang mempunyai kuasa yang menyeluruh dan berpusat (*centralise*) kepada satu jabatan. Penguatkuasaan moden yang wujud di Malaysia pula dipecahkan kepada beberapa kementerian dan institusi yang berbeza untuk melaksanakan tugas tersebut. Penguatkuasaan perbandaran diletakkan di bawah kerajaan tempatan, penguatkuasaan dalam bidang ekonomi dan perdagangan diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, penguatkuasaan dalam aspek kesihatan diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan, penguatkuasaan jenayah pula diletakkan di bawah Polis Di-Raja Malaysia. Pencegahan maksiat dan ajaran sesat dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam.¹¹⁴

Malah jika dilihat dalam konteks **DBKL**, walaupun **DP** merupakan satu jabatan khusus yang menguatkuasakan undang-undang tetapi terdapat juga beberapa bidang yang bukan berada di bawah kuasanya. Contohnya penguatkuasaan undang-undang berkaitan perancangan pembangunan dan bangunan dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Dan Kawalan Bangunan.

¹¹³ Perkara 4 Akta A1030

¹¹⁴ Tun Mohammed Suffian,(1990), *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*, KL:DBP, hal. 133, Auni Hj Abdullah, Op. Cit., hal. 119

Manakala Jabatan Kesihatan bertanggungjawab mengawas kualiti makanan dan air melalui pemeriksaan, pencontohan makanan dan air, mengawal dan mengawasi semua aktiviti industri, trade dan domestik yang mempunyai kesan kepada alam sekitar dan mengawas dan mengawal penyakit bawaan vektor dan menjalankan aktiviti kawalan serangga.¹¹⁵ Kenyataan ini menunjukkan bahawa terdapat juga beberapa aspek perbandaran tidak berada di bawah bidang kuasa **DP** tetapi pada jabatan-jabatan lain di **DBKL**.

Di samping itu terdapat beberapa aspek yang perlu **DP** awasi dan mengambil tindakan undang-undang tetapi tidak terdapat di bawah bidang kuasa **DP** dan juga jabatan-jabatan lain di **DBKL**. Walaupun aspek ini sebenarnya membantukan hasrat **DBKL** amnya dan **DP** khususnya untuk menjadikan Bandaraya **KL** bandaraya indah, bersih dan harmoni. Antaranya, masalah pendatang tanpa izin, masalah berkaitan penagih dadah, pengemis, kegiatan maksiat sama ada pelacuran atau perlakuan sumbang. Ketiadaan peruntukan undang-undang menyebabkan **DP** terpaksa bekerjasama dengan agensi lain untuk membanteras masalah tersebut. Contohnya untuk membanteras kegiatan maksiat terpaksa bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam, membanteras masalah penagihan dadah dengan berkerjasama dengan Polis Diraja Malaysia, untuk membanteras masalah pengemis dan kuturayau pula bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat¹¹⁶

¹¹⁵ Buku Penerangan DBKL hal.38-41

¹¹⁶ Maklumat Dari DP 21 Mac 2002

4.2.3 Penguatkuasaan Undang-Undang

Jika dilihat dalam konteks penguatkuasaan undang-undang pula mempunyai persamaan di dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan. Di mana kedua-dua institusi ini diperuntukkan dengan kuasa untuk mengambil tindakan segera terhadap sesuatu kesalahan bermula dengan yang paling ringan kemudian meningkat kepada yang berat dan tindakan tersebut perlu diambil dengan segera. **DP** bermula dengan amaran lisan atau notis amaran bertulis, jika amaran ini tidak diendahkan barulah notis kesalahan akan dikeluarkan di mana penerima kompoun tersebut dikehendaki membayar denda, barang disita atau ditunda dan premis dirobohkan. Tindakan yang diambil bergantung kepada jenis kesalahan.¹¹⁷ Begitu juga dalam **IH** tindakan yang dikenakan bermula dengan yang ringan kemudian meningkat kepada tindakan keras begantung kepada jenis kesalahan.¹¹⁸

i. Konsep kemungkaran dan aktiviti yang menyalahi undang-undang

Walaupun kedua-dua Institusi ini melaksanakan tanggungjawab untuk membanteras jenayah dan aktiviti menyalahi undang-undang. Tetapi kedua-dua institusi ini mempunyai definisi yang berbeza tentang kemungkaran (aktiviti menyalahi undang-undang). Kemungkaran menurut *Islām* ialah perbuatan yang ditegah oleh *syara'* sama ada tegahan tersebut kerana haram atau makruh atau perkara yang harus pada asalnya tetapi apabila disertai oleh perkara lain atau

¹¹⁷ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

¹¹⁸ Mohamed S. Ewa, *Op. Cit.*, hal. 163

apabila berlaku dalam sesuatu keadaan ia mengakibatkan perkara yang merbahaya dan boleh membawa kepada kemusnahan.¹¹⁹

Manakala menurut undang-undang moden, perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang sama akta, undang-undang kecil atau kaedah yang diluluskan oleh sesebuah negara. Manakala selain daripada itu, dianggap tidak bersalah walaupun bertentangan dengan *nas syara'* atau moral. Kenyataan ini menjelaskan bahawa fungsi yang dilaksanakan oleh badan penguatkuasaan moden tidak menyeluruh kerana bidang kuasanya tertakluk kepada peruntukan kuasa bukan apa yang termaktub di dalam agama dan moral. Oleh itu seharusnya lebih banyak undang-undang dikeluarkan yang berkaitan kedua aspek ini, sesuai dengan keadaan masyarakat berbilang kaum kerana kedua-dua aspek ini penting di dalam mengawal tingkah-laku manusia dalam masyarakat.

ii. Tindakan Undang-Undang

Di dalam Islam tindakan yang dikenakan ke atas kesalahan bagi kes *hisbah* dikenali sebagai *ta'zir*. *Ta'zir* dikategorikan sebagai hukuman budi-bicara yang yang digunakan dalam syariah untuk menguatkuasakan prinsip tatasusila dalam masyarakat *Islām*. Matlamat *ta'zir* ialah menghukum perbuatan salah yang boleh memudaratkan hak individu dan masyarakat. *Ta'zir* juga hukuman pencegahan bagi menghalang berulangnya perbuatan jenayah dan juga hukuman pemulihan yang bertujuan membetulkan kesalahan pesalah.¹²⁰

¹¹⁹ 'Abd Karīm Zaydān, (1998), *Nizām al-Qadā' fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, Baghdād: Matba'ah al-Ma'āni hal. 283

¹²⁰ Mohamad S Ewa,(1999), *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Kajian Perbandingan*, pentj. Khidmat Pentejemahan Nusantara, KL:DBP, hal. 144

Sehubungan dengan itu Sarjana *Islām* telah meletakkan beberapa tingkat hukuman yang boleh dikenakan kepada sesiapa yang melakukan kemungkaran *hishbah* iaitu bermula dengan teguran, teguran keras, ancaman, pendedahan di khalayak ramai, merampas dan merosakkan peralatan, sebat, penjara dan yang paling maksimum ialah hukuman bunuh. Walau bagaimanapun hukuman mati ini hanya diizinkan dalam hal-hal tertentu, membabitkan kesalahan yang amat besar seperti mengintip bagi pihak musuh, atau menyebarkan ajaran sesat, atau amalan-amalan yang memecahbelahkan masyarakat, ataupun penjenayah itu kaki penjenayah dan kejahatannya hanya boleh dihentikan dengan cara ini.¹²¹

Hukuman ini bergantung kepada jenis kesalahan dan kekerapan melakukan kesalahan. Jelaslah bahawa peruntukan kuasa untuk menjatuhkan hukuman kepada *al-muhtasib* adalah besar dan tegas. Hukuman yang berat dan tegas dan sesuai dengan kesalahan yang dilakukan akan dapat memberi pengajaran dan amaran untuk orang lain dan dapat menjaga kepentingan kehidupan yang sempurna seperti yang dituntut oleh *Islām*.¹²²

Berbanding dengan penguatkuasaan *Islām*, tindakan penguatkuasaan yang diperuntukkan kepada **DP** agak ringan. Contohnya bagi kesalahan membuang sampah merata-rata akan dikenakan denda sebanyak RM 500 manakala bagi gerai yang tiada lesen yang dikenakan tindakan sita pula boleh menuntut balik gerai mereka selepas tempoh tertentu dan setelah mendapatkan barang dan peralatan, mereka akan memulakan perniagaan semula. Tindakan yang ringan ini

¹²¹ Ibid, hal. 163

¹²² Zainuddin Jaafar, *Op. Cit.*, hal. 144-145

menyebabkan orang yang melanggar peraturan tidak serik melakukan kesalahan.¹²³

4.2.4 Pelantikan Kakitangan Pelaksana

Di dalam sistem *Islām al-muhtasib* adalah pegawai yang dilantik oleh *Khalifah* iaitu Ketua Pemerintah Negara *Islām* untuk melaksanakan tugas mengawasi dan menguatkuasakan undang-undang. Tanggungjawab ini juga dianggap tugas keagamaan kerana bidang kuasanya menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Anggota Pengukuasa DP pula dilantik oleh DBKL yang merupakan badan yang mentadbir **Bandaraya KL**. Berdasarkan peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada penguasa tempatan untuk mengambil para pegawai dan kakitangan sendiri.¹²⁴ Kenyataan ini menjelaskan bahawa dari segi pelantikan kakitangan kedua-dua institusi ini mempunyai persamaan iaitu dilantik oleh pihak yang bertanggungjawab mentadbir bandar tersebut. Walau bagaimanapun jika dilihat dari beberapa sudut terdapat aspek-aspek yang membezakan di antara kedua institusi ini iaitu:

i. Kelayakkan

Kedua-dua institusi ini mensyaratkan bahawa setiap pegawai yang dilantik mestilah mempunyai kelayakkan akademik, fizikal serta pengalaman. Walau bagaimana pun pegawai *al-muhtasib* disyaratkan mempunyai pengetahuan tentang hukum-hukum *syari'ah* dan kemungkaran yang nyata untuk menjamin

¹²³ Interview Dengan Penguasa DP En. Ahmad Sauffi Muhamad pada 21 Mac 2002
¹²⁴ Sek. 10(7) Akta 171

mereka dapat mengambil tindakan penguatkuasaan yang wajar apabila berlakunya kemungkaran dan tidak menganiayai pihak yang tidak bersalah. Di samping itu tidak dapat dinafikan bahawa pengetahuan tentang hukum-hukum *syari'ah* dan kemungkaran juga penting untuk menjamin *al-muhtasib* dapat melaksanakan tugasnya yang luas dan berat ini. *Al-muhtasib* juga perlu memiliki keupayaan. Di mana *al-muhtasib* mestilah memiliki keupayaan fizikal, kekuatan mental dan ketegasan untuk bertindak.¹²⁵

Satu syarat yang tidak kurang pentingnya *al-muhtasib* mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang penguatkuasaan yang dilakukannya. Ini untuk memastikan bahawa dia dapat mengesan penyelewengan dan kesalahan yang dilakukan.

Di dalam pemilihan kakitangan anggota penguatkuasa juga disyaratkan mempunyai kelayakan akademik yang diperolehi melalui peperiksaan umum iaitu Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Menengah Pelajaran (SPM) Sijil Tinggi Pelajaran (STP), Diploma atau Ijazah. Kelayakan akademik ini yang akan menentukan penggredan jawatan, skim perkhidmatan dan tangga gaji. Selepas dipilih anggota baru ini akan diberi latihan oleh Unit Pusat Latihan Penguatkuasaan yang akan mengendalikan modul-modul yang ditetapkan. Modul yang diterapkan adalah bercorak penerapan ilmu yang bersesuaian bagi satu pasukan beruniform yang melaksanakan tugas penguatkuasaan. Latihan juga akan diberikan untuk meningkatkan tahap kecerdasan fizikal dan mental bagi kakitangan yang beruniform menjurus ke arah profesionalisme.¹²⁶

¹²⁵ Auni HJ Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 92-93

¹²⁶ Maklumat daripada DP 21 Mac 2002

Tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua institusi ini mensyaratkan bahawa kakitangan mereka mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi. Malah dalam *Islām* meletakkan sifat adil dan saksama sebagai ciri yang perlu ada dalam diri *al-muhtasib* dan dijadikan syarat utama kelayakan. Ini kerana kedua sifat ini mencerminkan soal kemuliaan peribadi dan ketinggian akhlak *al-muhtasib* dan menggambarkan keberkesanan beliau dalam usaha menangani pelbagai tingkah laku manusia dan masalah yang berbangkit.¹²⁷ Malah keperibadian dan keunggulan diri *al-muhtasib* amat berpengaruh kerana ia mempengaruhi keupayaan dan keterampilan institusi itu sendiri.

Walaupun **DP** tidak meletakkan sifat yang adil dan saksama sebagai syarat kelayakan kerana syarat pemilihan lebih mementingkan kelayakan akademik dan fizikal. Namun **DP** tetap menitik-beratkan aspek ini apabila ia telah menggariskannya di dalam Kod Etika Perkhidmatan Dan Penguatkuasaan yang harus dipatuhi oleh anggota penguatkuasa. Di samping itu telah mengadakan program-program pembangunan sumber manusia bagi memupuk sifat keadilan dan kesaksamaan agar pegawai penguatkuasa dapat menghayati konsep ini di dalam menjalankan tugas mereka.

ii. Pelaksanaan Tugas

Terdapat perbezaan yang ketara di antara dua institusi ini dari segi tanggungjawab melaksanakannya, *al-muhtasib* menjalankan tugas pengawasan

¹²⁷ Op. Cit., hal. 94

dan penguatkuasaan bukan sahaja kerana dilantik oleh pemerintah tetapi juga melaksanakan tanggungjawab keagamaan. Ini kerana tanggungjawab berkenaan merupakan kewajipan *fardhu 'ain* yang harus dipikul oleh kerajaan dalam usaha menangani pelbagai urusan pemerintahan supaya dapat menjamin kehidupan rakyat terpelihara dari amalan kemungkar yang akan menjadikan kehidupan masyarakat bandar. Keadaan ini menjadi motivasi dan dorongan yang kuat kepada *al-muhtasib* untuk melaksanakan tugas ini dengan penuh dedikasi dan amanah serta tidak terlibat dengan sebarang penyelewengan kerana ia adalah perintah *Allāh*. Malah *Allāh* sebagai pengawas yang teragung sentiasa mengawasi tingkah-laku para *al-muhtasib*. Oleh itu bagi sesiapa yang melanggarnya ia bukan sahaja akan diambil tindakan disiplin oleh pemerintah tetapi juga dijanjikan azab yang pedih oleh *Allāh swt*. Faktor inilah yang memantapkan institusi *hisbah* dan menyebabkannya dihormati dan digeruni dan menyebabkan keberkesanannya.

Manakala anggota penguatkuasa **DP** melaksanakan tugas penguatkuasaan kerana ia adalah tugas yang diamanahkan kepada mereka di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 di bawah Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa Kelakuan Dan Tatatertib.¹²⁸ Dengan adanya akta inilah yang akan menjadi peringatan kepada anggota penguatkuasa daripada melakukan penyelewengan, lalai melaksanakan tanggungjawab, rasuah dan sebagainya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa kesedaran dalaman lebih penting bagi mengawasi tindakan dan kelakuan mereka. Ini kerana ia merupakan benteng yang dapat mencegah anggota penguatkuasa daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

¹²⁸ Akta 171

4.3 KESIMPULAN

Dari perbincangan di atas jelaslah bahawa terdapat beberapa persamaan antara **IH** dan **DP** terutama dari segi fungsi dan tindakan penguatkuasaan di dalam melaksanakan tugas pengawasan dan penguatkuasaan di bandar. Walau bagaimanapun skop bidang kuasa **IH** pada zaman kegemilangan *Islām* lebih luas dan menyeluruh kerana ia berlandaskan kepada *syari'ah* yang mencakupi seluruh aspek kehidupan fizikal dan kerohanian. Manakala **DP** pula terikat dengan peruntukan undang-undang yang menyempitkan fungsi dan bidang kuasanya. Perbezaan yang paling ketara ialah penguatkuasaan moden agak samar identitinya berbanding **IH** mempunyai landasan yang mantap iaitu merealisasikan prinsip *amr bi al-ma'rūf dan nahyi 'an al-mungkar*. Sejarah telah membuktikan bahawa dengan adanya dasar yang kukuh telah menjamin keberkesanan **IH** dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan berjaya mewujudkan suasana yang harmoni dan tenteram di dalam masyarakat. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa **DP** telah cuba menerapkan unsur ini terutamanya dalam pembangunan kakitangannya dengan menyedarkan mereka bahawa tanggungjawab yang mereka laksanakan itu adalah satu ibadah. Namun satu program yang khusus perlu dirangka untuk memantapkan lagi usaha ini.